PENDAKWARAYA

Iwn.

TAN LAY LAY (P) & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, SHAH ALAM
TUANAZMELBIN HAJI MAAMOR PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO 58-5-88]
22 JULAI 1992

DADAH BERBAHAYA: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Tertuduh pertama dipanggil memasuki pembelaan - Tertuduh kedua dibebaskan tanpa dipanggil pembelaan - Sama ada anggapan statutori terhadap jagaan dan pengetahuan dipatahkan - Sama ada tertuduh menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya - Samada amaran diberi memenuhi kehendak peruntukan statutori.

Kedua-dua tertuduh ditangkap dalam satu sekatan jalanraya oleh pihak polis. Kedua-dua tertuduh telah disoal siasat lebih lanjut oleh polis yang menahan kereta yang mereka naiki setelah mensyakki sesuatu. Sebelum disoal lebih lanjut amaran di bawah s. 37AADB telah diberi kepada T1 dalam bahasa Malaysia yang telah diterjemahkan ke Bahasa 'Hokkien' kepadanya. Namun sedemikian T1 ingin terus bercakap dalam bahasa Malaysia dan amaran dalam bahasa Malaysia diberi dalam bentuk pertuturan mudah. T1 dikatakan telah mengakuimembawa dadah berbahaya "morfin" dan satu kotak yang berisi 3.456.54G heroin telah dijumpai didalam kereta yang dinaikinya. Mahkamah mendapati kesinambungan keterangan dan berpuashati pendakwaan berjaya menegemukakan kes *prima facie* terhadap Tl.

Didapati selain dari fakta T2 menjadi penumpang dikereta berkenaan tiada keterangan dapat melibatkan T2 didalam tuduhan ini. T2 dibebaskan tanpa dipanggil pembelaannya.

Pembelaan Tl ialah amaran yang diberikan tidak mematuhi peruntukan s. 37A ADB T1 juga menafikan percakapan yang dinyatakan telah berlaku dan menafikan pengetahuan kandungan kotak yang dijumpai didalam keretanya.

Diputuskan:

[1] Isu pengetahuan kandungan kotak tersebut bergantung kepada fakta sama ada T1

telah membuat percakapan di tempat kejadian mengakui pengetahuan kandungan kotak tersebut dan sama ada amaran yang diberikan menurut peruntukan s. 37A ADB.

[2] Amaran yang diberikan terhadap T1 adalah mematuhi s. 37A ADB dan Mahkamah berpuashati T1 faham akan maksudnya. Amaran yang diberi tidak semestinya seperti aturan bahasa yang digunakan didalam seksyen tersebut. Adalah memadai erti dan tujuan seksyen tersebut sebagai amaran yang dimaksudkan diberi.

[3] Didapati dari keseluruhan keterangan termasuk watak T1 dan kefahaman T1 akan maksud amaran yang telah diberikan bahawa T1 ada pengetahuan bahawa isi kandungan kotak mengandungi dadah berbahaya dan T1 gagalmematahkan anggapanpengedaran serta gagal menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pendakwaan.

[*T1 didapati bersalah dan dihukum mati*].

Kes-kes yang dirujuk:
*Din bin Yahya lwn. Public Prosecutor [1992] 1 CLJ 17/ [1992] 1 MLJ 143 (**diikuti**)*
*PP Iwn. Yuveraj [1969] 2 MLJ 89 (**dirujuk**)*
*Pang Chee Meng Iwn. PP [1992] 1 CLJ 39/ [1992] 1 MLJ 137 (**dirujuk**)*

Akta-akta yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya, s. 37A, (d), (da)(i), 39B(l)(a), (2)
Akta Keterangan, s. 27

Bagi pihak Pendakwa Raya - Nor Afizah, TPR
Bagi pihak yang kena tuduh pertama - Dato' Radzi Sheikh Ahmad
Bagi pihak yang kena tuduh kedua - R. Rajasingam

ALASAN PENGHAKIMAN

Azmel bin Haji Maamor PK:
Kedua-dua yang kena tuduh telah didakwa di atas satu tuduhan mengedar dadah berbahaya seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2 April 1988 lebih kurang 5.15 pagi disekatan jalanraya di Batu 18 Jalan Kuala Lumpur/Ipoh, di Rawang didalam Daerah Gombak dalam negeri Selangor Darul Ehsan, bersama-sama telah mengedar dadah berbahaya iaitu 3,456.54 gram Heroin, dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B (2) Akta yang sama.

a Kes Pihak Pendakwa adalah dengan ringkasnya seperti berikut. Pada 2 April 1988 jam lebih kurang 3.00 pagi di atas maklumat yang telah diterima satu pasukan Polis seramai 8 orang termasuk Insp. Amarjit Singh (SP4) dari Cawangan Anti Dadah, Bukit Aman, Jalan Kia
b Peng, Kuala Lumpur telah membuat satu sekatan jalanraya di Batu 18 Jalan Kuala Lumpur/Ipoh, berdekatan dengan Balai Polis Rawang. Tujuan mereka ialah untuk menahan dan memeriksamana-manakereta yang datang dari arah Utara menuju ke Selatan. Pada jam lebih kurang 5.15 pagi sebuah kereta jenis
c Nissan Langley nombor pendaftaran PBE 338 berwarna merah telah sampai di sekatan jalanraya itu dan ditahan. Pemandu kereta tersebut ialah YKT(l). Penumpang di sebelahnya ialah YKT(2). Oleh kerana SP4 telah mencurigai gerak-geri dan jawapan-
d jawapannya kepada soalan SP4 tidak memuaskan, SP4 pun mengarahkan supaya kedua-dua mereka keluar dari kereta tersebut untuk disoal dengan lebih teliti.

Setelah itu SP4 telah menyoal YKT(1) di dalam Bahasa Malaysia. Waktu itu Sgt. Lee Cheong
e Han (SP5) ada bersama SP4. Sebelum menyoal YKT(1) dengan lebih lanjut SP4 telah memberi amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya kepada YKT(1) di dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan oleh SP5 di dalam Bahasa Hokkien kepada YKT(1). Mengikut SP5 YKT(l)
f faham dengan amaran itu. Namun begitu YKT(1) ingin bercakap terus dengan SP4 dalam Bahasa Malaysia. Percakapan diantara SP4 dengan YKT(1) di dalam Bahasa Malaysia setelah amaran diberi berbunyi seperti berikut:

(Keterangan SP4):
g Saya tanya kepadanya,
"Berapa banyak morfln ada?"
Dia jawab, "Sebelas."
Saya tanya soalan lagi,
"Mana dalam kereta lu cakap itu morfin?"
Beliau jawab,
h "Bawah seat depan."
Saya soal lagi,
"Mana itu barang.
Mari kita pergi angkat.

Selepas itu YKT(1) masuk dalam kereta dan
i keluarkan satu kotak dari bawah seat penumpang hadapan dan serahkan kotak

tersebut kepada SP4. SP4 pun membuka kotak tersebut (exhibit P10A) dan di dalamnya didapati 11 bungkusan yang dibalut dengan kertas plastik. Kandungan 11 bungkusan itu (P10B 1-11) berwarna Very light brown' dan disyakki dadah heroin. Selepas membuka P10A SP4 telah menyoal YKT(1) lagi. Segala percakapan di antara YKT(1) dengan SP4 telah dicatitkan oleh SP4 di atas satu kertas (Pll) di tempat kejadian. Kedua-dua YKT pun ditangkap dan selepas itu dibawa balik ke Pejabat Cawangan Anti Dadah (CAD), Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur. Barang-barang kes termasuk kotak P10A dan kandungannya P10B 1-11 juga dibawa bersama. Di Pejabat CAD SP4 telah menyerahkan kedua-dua YKT dan barang-barang kes termasuk P10A dan kandungannya P10B 1-11 kepada Pegawai Penyiasat, Ketua Insp. Hj. Hassan b. Shariman (SP1).

Pada 5 April 1988 SP1 telah menghantarkan Exhibit P10A dan kandungannya P10B 1-11 kepada Ahli Kimia, Encik Kee Sue Seng (SP6) di Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk dianalisakan. Pada 30 Jun 1988 SP1 telah menerimabalik PlOAdan kandungannya P10B 1-11, daripada Ahli Kimia berserta dengan satu laporan kimia (P9). Laporan Kimia (P9) telah pun diserahkan kepada kedua-dua YKT pada 23 Ogos 1988. Mengikut laporan kimia P9, berat nett P10B1-11 ialah 4,993.87 gram dan ia mengandungi Heroin seberat 3,456.54 gram.

SP1 juga berkata bahawa di dalam penyiasatannya beliau mengesahkan bahawa kereta PBE 338 adalah didaftarkan di atas nama Tan Lay Lay iaitu YKT(1). Keterangan ini telah ditimbulkan dari pemeriksaan balas oleh Dato' Radzi, Peguambela bagi pihak YKT (1).

Dari keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pihak Pendakwa terutama sekali SP4 dan SP5 saya berpendapat pihak Pendakwa telah berjaya menimbulkan satu anggapan di bawah s.37(d) Akta Dadah Berbahaya terhadap YKT(1) dengan membuktikan bahawa YKT(1) ada mempunyai jagaan atau kawalan keatas Exhibit PlOAyang mengandungi P10B1-11 yang disyakki dadah Heroin. YKT(1) adalah pemandu kereta tersebut dan beliau juga orang yang empunya kereta itu. YKT(l) juga telah mengeluarkan P10A dari dalam kereta tersebut dan menyerahkan kepada SP4. Dari percakapan diantara YKT(1) dan SP4 dimana amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya telah diberi YKT mengetahui bahawa P10A mengandungi dadah.

Oleh kerana P10B 1-11 mengandungi Heroin seberat 3,456.54 gram seperti yang telah dianalisakan oleh Ahli Kimia, SP6, maka satu anggapan di bawah a. 37(da) (i) Akta Dadah Berbahaya juga telah ditimbulkan. Dari keterangan saksi-saksi pihak pendakwa saya juga dapati bahawa kesinambungan keterangan 'Chain of Evidence' mengenai Exhibit P10B 1-11 daripada ianya dirampas di sekatan jalanraya pada 2 April 1988 oleh SP4 dan selepas itu diserahkan kepada Pegawai Penyiasat SP1 dan di hantarkan kepada Ahli Kimia SP6 untuk dianalisakan dan selepas itu diambil kembali dan disimpan di dalam bilik setor exhibit di Pejabat CAD dan akhir sekali telah dikemukakan di Mahkamah di dalam pembicaraan ini tidakpernah putus. Di atas keterangan yang dikemukakan saya puas hati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu *prima facie* case terhadap YKT(1). Oleh itu YKT(1) disuruh untuk membela diri.

Mengenai YKT(2) pula saya dapati tidak cukup keterangan bagi saya untuk menyuruh YKT(2) membuat pembelaan. Selain dari keterangan yang mengatakan bahawa YKT(2) berada di dalam kereta PBE 338 itu saya dapati tidak ada e keterangan yang lain yang boleh melibatkan YKT2 di dalam tuduhan ini. Bahkan dari butir-butir yang terkandung di dalam Exhibit P11 dan juga percakapan beramaran YKT(2) (D12) saya rasa YKT(2) tidak boleh dilibatkan di dalam tuduhan ini. Oleh yang demikian saya memutuskan supaya YKT(2) dibebaskan dan dilepaskan tanpa menyuruh beliau membela diri.

Sebelum saya memutuskan untuk menyuruh YKT(1) membela diri saya telah menimbangkan perkara-perkara yang berikut:

Pertama, Peguambela bagi pihak YKT(1) telah mempertikaikan amaran yang diberikan oleh SP4 kepada YKT(1). Dato' Radzi berkata perkataan yang digunakan adalah berlainan daripada perkataan yang terkandung di dalam e. 37A Akta Dadah Berbahaya. Oleh itu tidak ada amaran yang sah yang diberikan kepada YKT(1).

Perkataan yang digunakan oleh SP4 untuk memberi amaran kepada YKT(1) adalah dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami. Perkataan itu berbunyi seperti berikut:

> Ini hal saya mesti cakap sama awak. Sekarang lu mahu cakap pun boleh. Kalau tak mahu cakap pun boleh. Lu mahu jawab

saya punya soalan pun boleh. Kalau lu tak mahu jawab saya punya soalan pun boleh. Tapi, kalau lu cakap apa-apa, sama lu sendiri cakap ka, atau lu jawab saya punya soalan ka, lain kali boleh pakai dalam Mahkamah.

Adalah diperhatikan bahawa pihak Pembela tidak mempertikaikan perkataan-perkataan yang digunakan oleh SP4 untuk memberi amaran itu. Oleh itu soalan yang timbul adalah samada perkataan yang digunakan itu boleh disifatkan sebagai amaran dalam ertikata s. 37A Akta Dadah Berbahaya. Amaran ini mengikut SP4, telah diterjemahkan kepada YKT(1) dalam Bahasa Hokkien oleh SP5. SP5, di dalam keterangannya mengesahkan bahawa ia telah menterjemahkan amaran itu kepada YKT(1) di dalam Bahasa Hokkien.

Perkara mengenai amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya telah jelas dihuraikan di dalam kes Mahkamah Agung, *Din bin Yahya Iwn. Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 143 Eusoff Chin H. (ianya pada masa itu) berkata di da lam penghakimannya:

> The words "words to the like effect" in s. 37A(l)(b) of the Act means that the caution prescribed must be administered in full, although it is not essential that it must be in exactly the precise form prescribed by that section. It is the whole effect and intention in the caution which must be looked at, and not merely the actual words used.

Berpandukan kepada keputusan kes *Din bin Yahya Iwn. Public Prosecutor* saya puas hati perkataan yang digunakan oleh SP4 memberi amaran kepada YKT(1) mengandungi "the whole effect and intention" yang diperlukan di bawah s. 37A(l)(b), mengikut keputusan Eusoff Chin H. (ianya pada masa itu) di dalam kes tersebut. Perkataan-perkataan yang saya anggap sebagai "warning part" ialah:

> Ini hal saya mesti cakap sama awak. Sekarang lu mahu cakap pun boleh. Kalau tak mahu cakap pun boleh. Lu mahu jawab saya punya soalan pun boleh. Kalau lu tak mahu jawab saya punya soalan pun boleh.

Pada pendapat saya perkataan yang digunakan seperti di atas dapat memberi erti dan tujuan sebagai amaran yang dimaksudkan di dalam kes *Din bin Yahya Iwn. PP*. SP5 telah juga berkata YKT(1) faham akan amaran yang diberi. Bagaimana pun YKT(1) lebih suka bercakap terus dengan SP4 dalam Bahasa Malaysia. Ini bererti YKT(1) cukup faham Bahasa Malaysia yang digunakan oleh SP4 untuk bertutur dengan YKT(1). Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan saya berpuas hati bahawa amaran dibawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya telah diberi kepada YKT(1) oleh SP4 dengan sempurnanya dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Hokkien kepada YKT(1) oleh SP5. Saya juga puas hati YKT(1) faham akan amaran itu. Dan juga saya puas hati YKT1 faham Bahasa Malaysia yang digunakan oleh SP4.

Kedua, pihak Pembela mengatakan percakapan diantara YKT(1) dengan SP4 tidak pernah berlaku. Catitan di dalam P11 tidak dibuat oleh SP4ditempatkejadian. Dato' Radzi, Peguambela bagi pihak YKT(1) juga mengatakan bahawa pada waktu kejadian itu keadaan masih gelap. Bagaimana SP4 boleh menulis di atas P11 . Dan adalah tidak munasabah bagi SP4 menulis P11 di atas tangan oleh kerana tulisan di dalam P11 adalah cantik.

Saya telah memeriksa Exhibit P11. Saya dapati kertas itu telah dilipat 4. Dengan keadaan P11 yang berlipat itu adalah munasabah bagi SP4 membuat catitan padanya di atas tangan seperti yang dikatakan oleh SP4 dalam keterangannya. Saya juga dapati tulisan di dalam P11 boleh dibaca tetapi tidaklah secantik tulisan yang ditulis di atas meja. Saya percaya dengan keadaan PI 1 itu, ia boleh ditulis di atas tangan. Mengenai cahaya ditempat kejadian pada masa itu pula SP4 dan SP5 berkata berdekatan dengan tempat kejadian itu ada lampu jalan seperti dilihat di dalam gambar (P6) dan juga dalam rajah kasar (P7). Tambahan pula anggota Polis ada membawa lampu picit. Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa sumber cahaya yang diperlukan oleh SP4 waktu membuat catitan di atas Pll di tempat kejadian adalah mencukupi. Saya tidak meragukan kebenaran keterangan SP4 mengatakan bahawa PI 1 ditulis di tempat kejadian. Saya juga tidak meragui kebenaran kandungan Pll. Saya puas hati catitan di dalam Pll merupakan perkara yang sebenar berlaku di tempat kejadian di antara SP4 dan YKT(1). Di dalam Pll, SP4 juga telah mencatitkan percakapan YKT(2) yang mengatakan YKT(2) tidak tahu langsung mengenai kotak, P10A dan kandungannya. P11 juga ada catitan mengatakan YKT(1) juga mengesahkan bahawa YKT(2) tidak ada kena mengena dengan P10A seperti tercatit dalam PI 1 . Keterangan ini telah meyakinkan saya lagi bahawa SP4 telah mencatitkan perkara yang sebenar. Jikalau SP4 berniat jahat dia boleh mengatakan YKT(2)

juga tahu akan kandungan P10A itu. Dari keterangan SP4 yang telah diperiksa balas oleh Peguambela dengan panjang lebar dan disokong oleh keterangan SP5 saya berpuas hatipercakapan lisan yang dibuat oleh YKT(1) kepada SP4 adalah benar dan catitan di dalam P11 adalah merupakan percakapan yang sebenar berlaku di tempat kejadian di antara YKT(1) dan SP4.

Di samping itu saya juga ingin menimbulkan perkara mengenai pemanggilan saksi, Ahli Kimia Encik Kee Sue Seng (SP6) oleh pihak pendakwa. Pihak pendakwa telah mengemukakan laporan kimia (P9) yang telah diserahkan kepada kedua-dua YKT melalui Pegawai Penyiasat SP1. Bagaimana pun pihak Pendakwa telah memohon untuk memanggil Ahli Kimia akibat dari keterangan balas dari soalan oleh Peguambela mengenai bagaimana peket-peket P10B 1-11 boleh dibuka oleh Ahli Kimia tanpa mengubah tanda-tanda yang dibuat oleh SP4 dan SP1 pada balutan P10B 1-11 itu. Saya telah luluskan permohonan Timbalan Pendakwa Raya untuk memanggil Ahli Kimia (SPG). SPG telah pun menerangkan bagaimana cara beliau membuka bungkusan P10B 1-11 tanpa mengubah tanda-tanda di atas balutan itu. Saya puas hati dengan keterangan SP6 bagaimana beliau membuka peket-peket P10B 1-11 tanpa mengubah tanda-tanda di atas peket-peket tersebut.

Pihak Pembela bagi YKT(1) telah mengemukakan 3 orang saksi, iaitu YKT(1) sendiri, Tan Chong Wee iaitu YKT(2), (DW2) dan Cik Lee Meng Yean (DW3) Jurubahasa Cina yang bertugas di Mahkamah Majistret Rawang.

Undang-undang mengenai beban yang dipikul oleh pihak Pembela untuk mematahkan anggapan-anggapan di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya telah lama diputuskan iaitu pihak Pembela perlu mengemukakan bukti on the balance of probabilities'. (Sila lihat *PP lwn. Yuveraj*) [1969] 2 MLJ 89.

Di dalam kes ini pihak Pembela cuba membuktikan bahawa YKT(1) tidak tahu langsung mengenai kandungan kotak P10A yang didapati di dalam kereta PBE 338 itu. Kereta itu adalah kepunyaannya sendiri. Di dalam keterangannya YKT(1) berkata kotak P10A itu telah diberi kepadanya oleh seorang pelanggan kelab malam YKT(1) yang dikenali dengan panggilan "Uncle" pada 1 April 1988.

a Kotak itu diseal dan Uncle telah beritahuYKT(1) bahawa P10A mengandungi ubat Cina untuk penyakit cancer. Uncle meminta YKT(1) untuk membawa kotak itu ke Kuala Lumpur untuk ibunya yang sedang mengidap penyakit cancer. Kotak itu akan diterima oleh anak lelakinya pada pukul 10 pagi pada 2 Aprill988. Tempat penyerahan kotak itu ialah berdekatan dengan Kentucky Fried Chicken dekat Sg. Wang Plaza, Kuala Lumpur. Uncle tidak beritahu kepada YKT(1) nama, alamat dan telefon ibunya atau anaknya. Cuma Uncle beritahu YKT(1) bahawa anak lelaki yang akan menemuinya akan memakai baju biru.

b

c Mengikut keterangan YKT(1) beliau pergi ke Kuala Lumpur adalah untuk tujuan hendak pergi berjudi di gelanggang lumba kuda di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Inilah kali pertama beliau membawa kereta ke Kuala Lumpur.

d Waktu di tahan di sekatan jalanraya di Rawang pada jam 5.15 pagi pada 2 April 1988 YKT(1) berkata di dalam keterangannya beliau cuma serahkan kotak P10A itu kepada Polis. Polis telah bercakap dengannya dalam Bahasa Malaysia. YKT(1) cuma faham Bahasa Malaysia sedikit-sedikit sahaja. YKT(1) juga berkata tidak ada amaran diberi kepadanya oleh Insp. Amarjit Singh (SP4). Sgt. Lee (SP5) pula tidak ada di tempat kejadian pada pagi tersebut. YKT(l) berkata tidak ada pegawai Polis yangterjemahkan percakapan SP4 kepada YKT(1) dalam Bahasa Hokkien. Kandungan P11 yang dicatit oleh SP4 adalah tidak benar.

e

f YKT(1) juga berkata bahawa waktu beliau ditahan di Balai Polis Jalan Kia Peng beliau telah dipukul dan diugut. Oleh itu YKT(1) telah membuat aduan kepada Majistret Rawang waktu beliau dituduh di hadapan Majistret Rawang. Perkara ini telah disahkan oleh DW3, jurubahasa Cina yang bertugas pada hari tersebut. Mengikut DW3 bahasa yang digunakan oleh YKT(1) ialah Bahasa Kantonis atau Mandarin dan bukan Bahasa Hokkien oleh kerana DW3 tidak tahu bertutur dalam Bahasa Hokkien.

g

h Tan Chong Wee (DW2) didalam keterangannya pula berkata beliau telah mengikut YKT(1) pergi ke Kuala Lumpur dengan menaiki kereta YKT(1) PBE 338. DW2 tidak tahu langsung mengenai kotak P10A. Didalam perjalanan YKT(1) tidak pula menceritakan hal mengenai kotak itu dan kandungannya kepada DW2.

i

Mengenai kejadian di sekatan jalanraya itu pula DW2 berkata dia tak ingat mengenai banyak perkara yang telah berlaku. Apa yang beliau betul-betul ingat adalah perkara yang berlaku sebelum mereka bertolak ke Kuala Lumpur lagi.

Keterangan saksi-saksi pihak Pembela ini hendaklah dikaji dan ditimbang bersama-sama dengan keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pihak Pendakwa terutama keterangan SP4 dan SP5.

Isu utama yang perlu diputuskan di dalam kes ini ialah samada YKT(1) tahu bahawa kotak P10A mengandungi dadah. Isu ini bergantung samada benar atautidak YKT(1) telah membuat percakapan lisan dengan SP4 ditempat kejadian dan samada amaran dibawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya telah diberi kepada YKT(l). Mengikut YKT(1) tidak ada amaran diberi kepada beliau. Kalau ada pun beliau tidak faham oleh kerana SP4 bertutur dalam Bahasa Malaysia. YKT(1) cumaboleh bercakap sedikit-sedikit sahaja dalam Bahasa Malaysia. Tidak ada orang yang terjemahkan amaran itu di dalam Bahasa Hokkien. YKT(1) juga berkata SP5 tidak ada di tempat kejadian pada masa itu. Segala perkara yang dicatit oleh SP4 di dalam kertas P11 adalah tidak benar.

Di dalam keterangannya SP4 pula berkata beliau telah bertutur dengan YKT(1) dalam Bahasa Malaysia dan YKT(1) faham bahasa yang digunakan oleh SP4. Sebelum YKT(1) keluarkan kotak P10A itu YKT(1) telah menjawab soalan SP4. Selepas SP4 berikan amaran itu kepada YKT(1) dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan dalam Bahasa Hokkien oleh SP5, YKT(1) beritahu SP5 dia mahu bercakap dengan SP4 terus dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu percakapan lisan YKT(1) kepada SP4 adalah dibuat dalam Bahasa Malaysia di atas permintaan YKT(1) sendiri.

Dari keterangan-keterangan yang dike-mukakan saya puas hati SP5 berada di tempat kejadian pada pagi 2 April itu. Saya juga puas hati bahawa SP5 telah menterjemahkan amaran yang diberi oleh SP4 kepada YKT(1) dalam Bahasa Hokkien. Saya juga puas hati dengan keterangan SP5 mengatakan bahawa YKT(1) ingin bertutur dengan SP4 dalam Bahasa Malaysia. Saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa keterangan SP5 tidakboleh dipercayai.

Setelah mendengar YKT(1) memberi keterangan di kandang saksi saya percaya YKT (1) boleh

a bertutur dalam Bahasa Malaysia seperti bahasa yang digunakan oleh SP4. YKT(1) bekerja sebagai dance hostes di kelab malam. Beliau ada mempunyai ramai pelanggan. Sungguhpun katanya kebanyakan pelanggannya adalah berbangsa Cina saya percaya ada juga pelanggan yang bukan bangsa Cina di mana pertuturan

b akan dibuat dalam Bahasa Malaysia pasar seperti bahasa yang digunakan untuk bertutur dengan SP4. Saya telah memerhatikan perangai dan tingkah laku YKT(1) waktu memberi keterangan. Saya percaya beliau adalah seorang yang tegas dan berani dan "always like to be in

c "control." Dia yang menceraikan suaminya, dia yangmenyara ibubapa, anak dan adiknya. Dan YKT(1) berani membawa kereta ke Kuala Lumpur pada waktu malam bagi kali pertama cuma ditemani oleh DW2 yang tidak pernah memandu kereta di Kuala Lumpur. Dengan sikap beliau yangberani dan tegas itulah maka

d saya rasa YKT(1) lebih suka bertutur terus dengan SP4 tanpa melalui SP5 supaya senang beliau merayu kepada SP4. Perkataan Bahasa Malaysia yang digunakan oleh SP4 adalah perkataan yang senang difahami. Satu perkara lagi yang menambah keyakinan saya bahawa YKT(1) tidak bercakap benar mengenai Bahasa

e yang beliau boleh bertutur ialah kebolehan beliau bertutur dalam loghat selain dari loghat Hokkien. YKT(1) berkata dia bercakap dalam loghat Hokkien waktu berada di depan Majistret Rawang di mana YKT(1) telah membuat aduan yang beliau telah dipukul dan diugut. YKT(1)

f telah juga berkata beliau tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kantonis sungguhpun dia faham Bahasa Kantonis. Tetapi DW3 berkata pada hariyang tersebut YKT(1) tidakbercakap dalam bahasa Hokkien oleh kerana DW3 tidak faham bahasa Hokkien. Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Kantonis. Bagaimana YKT(1) boleh

g bertutur dalam Bahasa Kantonis dan membuat pengaduan dalam Bahasa Kantonis jikalau YKT(1) tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kantonis.

Di dalam kejadian di sekatan jalanraya itu saya puas hati SP4 telah mencatitkan perkara

h yang sebenar berlaku. Di dalam catitan P11 SP4 telah mencatitkan bahawa Tan Chong YKT(2) tidak terlibat mengenai bungkusan P10A itu. Jikalau SP4 berniat jahat atau tidak mencatitkan perkara yang sebenar beliau dengan mudah boleh mencatitkan Tan Chong Wee YKT(2) tahu mengenai

i kotak P10A dan kandungannya. Catitan SP4 di dalam P11 mengenai Tan Chong

Wee YKT(2) tidaktahu langsungterhadap kotak P10A menunjukkan dengan jelas bahawa SP4 telah mencatitkan apa yang betul-betul diberitahu oleh YKT(1) kepada SP4 pada pagi tersebut.

Peguambela telah pula mempertikaikan bahawa Pll tidak mungkin dicatitkan di tempat kejadian oleh kerana waktu itu masih gelap dan tulisan dalam Pll itu adalah terlalu cantik untuk ditulis di atas tangan 3P4.

Adalah benar bahawa pada jam 5.15 pagi masih lagi gelap. Tetapi di tempat kejadian ada lampu jalan. Selain dari keterangan SP4 dan SP5 ada juga didapati keterangan SP1 yang telah mengemukakan rajah kasar P7 yang bertanda F, iaitu tidak berapa jauh dari tempat di mana kereta PBE 338 ditahan iaitu di tempat yang bertanda B dalam rajah kasar (P7) tersebut. Anggota Polls juga ada membawa lampu picit. Dengan adanya bahan-bahan yang boleh memberi cahaya di tempat kejadian saya percaya SP4 tidak menghadapi kesulitan untuk membuat catitan ke atas P11 pada pagi tersebut. Saya telah memeriksa P11. P11 telah dilipat 4 dan tulisannya tidaklah seperti tulisan yang dibuat dengan selesa tetapi boleh dibaca.

Pada pendapat saya percakapan lisan yang dibuat oleh YKT(1) kepada SP4 boleh dikemukakan sebagai keterangan di atas 2 cara, pertama di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya dan kedua di bawah s. 27 Akta Keterangan. Keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan tidak memerlukan amaran. Apa yang diperlukan ialah 'discovery of exhibit'. Di dalam kes ini SP4 telah menyoal YKT(1) dan hasil dari soalan dan jawapan itu YKT(1) telah membawa keluar kotak P10A dari dalam kereta itu dan memberikannya kepada SP4. Di dalam jawapan YKT(1) seperti dicatitkan oleh SP4 di dalam P11 YKT(1) tahu bahawa P10A mengandungi "morfin". Mengikut SP4 dan tidak pula dipertikaikan oleh pihak Pembela orang kaum Cina menyebut "morfin" dengan makna dadah Heroin. Mengenai kemasukan percakapan di bawah s. 27 Akta Keterangan saya telah ingatkan diri saya tentang bahaya untuk kemasukannya sebagai keterangan. (Sila lihat kes *Pang Chee Meng Iwn. PP* [1992] 1 MLJ 137) Tetapi di dalam kes ini memandangkan SP4 telah membuat catitan pada P11 yang kebenarannya tidak saya ragui maka saya puas hati percakapan dibawah s. 27 Akta Keterangan itu boleh diterima sebagai keterangan setakat jawapan "which led to the discovery of P10A only". Dari kandunganPll catitanyang diterima masuk di bawah s. 27 Akta Keterangan ialah catitan di bahagian kiri sebelah atas. Mengenai kemasukan percakapan di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya pula setelah saya menimbangkan keterangan-keterangan yang ada dan setelah mengingatkan segala bahaya-bahayanya itu saya berpuas hati percakapan lisan YKT(1) itu boleh diterima sebagai keterangan.

Dari percakapan YKT(1) kepada SP4 adalah jelas bahawa YKT(1) betul-betul tahu bahawa kotak P10A mengandungi Heroin. Berat kasar P10A tidak termasuk kotaknya adalah lebih kurang 5 kilogram. Pada pandangan saya adalah tidak munasabah bagi sesiapa membeli ubat Cina yang beratnya lebih kurang 5 kilogram. Selalunya ubat Cina ringan sebab kebanyakan ramuannya diambil dari akar-akar kayu.

Keterangan saksi pembela terutama YKT(1) sendiri tidak dapat memberi apa-apa keraguan ke atas kes pihak Pendakwa. DW2 tidak memberi sokongan ke atas keterangan YKT(1). DW2 berkata dia tak ingat perkara yang berlaku di tempat kejadian. Apa yang DW2 ingat dengan e jelas ialah peristiwa waktu di Penang lagi. Oleh itu keterangannya tidak dapat menjejaskan kes pendakwaan.

Setelah saya mengkaji dengan teliti keterangan-keterangan di dalam kes ini sayaberasa kurang yakin bahawa tujuan utama YKT(1) pergi ke Kuala Lumpur ialah untuk bermain kuda. YKT(1) berkata beliau cuma dapat satu tip mengenai perlumbaan yang pertama. Adalah tidak munasabah bagi sesiapa terutama YKT(1) bersusah payah memandu kereta ke Kuala Lumpur dengan cuma bergantung kepada satu tip sahaja. Apakah akan terjadi jikalau tip itu tidak betul? Sayugia diingatkan YKT(1) telah bercadang hendak ke Kuala Lumpur satu minggu lagi sebelumnya. Selalunya tip hanya diberi sejurus sebelum perlumbaan. Saya juga perhatikan bahawa dari barang-barang kes yang dirampas dari dalam kereta itu YKT(1) dan YKT(2) tidak banyak membawa wang tunai. Kalau betul-betul hendak berjudi ke Kuala Lumpur dari Pulau Pinang YKT(1) mesti membawa wang yang lebih banyak dari jumlah yang didapati pada diri mereka waktu ditangkap. Besar kemungkinan bahawa YKT(1) telah berharap kepada satu sumber wang yang beliau pasti akan dapat. Di dalam keadaan kes

ini saya penuh percaya sumber wang yang pasti diterima oleh YKT(1) ialah upah membawa P10B1-11 dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Perjalanan dilakukan pada waktu malam dengan harapan sekatan jalan raya pada waktu malam tidak mungkin dilakukan oleh pihak Polis.

Pengaduan yang dibuat oleh YKT(1) di depan Majistret Rawang pada pendapat saya tidak dapat memberi apa-apa sokongan kepada kes pembelaan. Apa yang penting ialah peristiwa yang berlaku ditempat kejadian. Perkara yang berlakuselepasditempatkejadian tidak begitu mustahak lagi. Saya tidak begitu pasti akan tujuan pihak Pembela mengemukakan keterangan mengenai ugutan atau deraan yang dikatakan dilakukan kepada YKT(1) setelah beliau ditahan. Jikalau pihak Pendakwa telah mengemukakan satu percakapan bertulis yang dibuat waktu YKT(1) ditahan di pejabat CAD Jalan Kia Peng, maka perkara yang YKT(1) telah didera dan diugut mungkin ada kaitan. Sebaliknya apa yang saya dapati timbul dari pengaduan YKT(1) di depan Majistret ialah pengesahan bahawa YKT(1) boleh bertutur dengan fasih bukan sahaja dalam Bahasa Hokkien tetapi juga Bahasa Kantonis atau Mandarin. Adalah dibuktikan YKT(1) boleh bertutur dalam Bahasa Kantonis atau Mandarin dengan fasih sungguh pun beliau berkata dia tidak boleh bercakap dalam Bahasa Kantonis dan cuma fasih dalam Bahasa Hokkien sahaja.

Setelah saya menimbang dan mengkaji segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pembela dan seterusnya membandingkan dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa saya berpendapat kes pihak Pembelaan adalah kurang meyakinkan.

Saya berpuas hati bahawa SP4 dan SP5 telah bercakap benar. Percakapan di antara SP4 dan YKT(1) di dalam Bahasa Malaysiabenar berlaku dan difahami oleh YKT(1). Amaran dibawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya telah juga diberi oleh SP4 dan diterjemahkan kepada YKT(1) oleh SP5. Saya yakin YKT(1) faham Bahasa Malaysia yang dituturkan oleh SP4 dan YKT(1) pun telah bertutur di dalam Bahasa Malaysia dengan SP4 seperti yang dicatitkan oleh SP4 di dalam P11. Saya juga yakin bahawa P11 ditulis oleh SP4 di tempat kejadian. Tidak ada keraguan yang timbul di dalam hati saya mengenai apa yang dikatakan oleh SP4 dan SP5 dan kebenaran kandungan P11.

Dari keterangan yang dikemukakan di dalam kes ini saya berpuas hati bahawa YKT(1) telah mengetahui bahawa kotak P10A mengandungi dadah Heroin dan membawanya dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur untuk diedarkan. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pembela adalah tidak munasabah dan saya dapati adalah cukup sukar untuk mempercayainya. Tidak ada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak Pembela yang dapat menimbulkan sebarang keraguan terhadap kebenaran kes pihak Pendakwa atau pun terhadap kebersalahan YKT(1). Setelah menimbangkan segala keterangan di dalam kes ini saya berpuas hati bahawa pihak Pendakwaan telah membuktikan kesnya “beyond reasonable doubt”. Oleh itu saya dapati YKT(1) bersalah di atas tuduhan ini dan sabit kesalahannya.

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang saya menjatuhkan hukuman mati yang mandatori ke atas din YKT(1).